

Tugas Guru Masih Relevan Dari Dulu Sehingga Kini



Labuan, 6 Apr – Dalam mereyakasa kecemerlangan Pendidikan di WP Labuan, Sektor Perancangan telah melaksanakan Perkongsian Ilmu dalam Majlis Penyampaian Watikah dan Lesen Jurulatih Kajian Tindakan 12 Langkah pada 26 Mac 2022.

Majlis ini telah dilaksanakan di Bilik Labuhan, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan WP Labuan melibatkan seramai 26 orang jurulatih utama dari seluruh negara.

Urusetia program, Puan Faridah Amit berkata majlis ini adalah untuk menghargai dan mengiktiraf peranan guru yang telah dipilih sebagai jurulatih utama di samping pembentangan 6 kertas kajian tindakan oleh jurulatih utama. "Objektif utama majlis ini adalah untuk menyampaikan watikah dan lesen jurulatih KT12L sebagai pengiktirafan dari Jabatan Pendidikan WP Labuan." kata beliau.

Majlis yang diadakan secara bersemuka ini turut disiarkan dalam *youtube* yang mendapat paparan seramai 209 dari seluruh negara.

Majlis turut dihadiri dan disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.



Puan Suriani, pengasas KT12L menerima surat pelantikan daripada Encik Yusup



Puan Nurlisa, guru SK St John, Beaufort Sabah menerima surat pelantikan

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada semua Sektor Perancangan yang telah mengunggayahkan majlis seperti ini bagi mengiktiraf para guru yang telah menjadi jurulatih utama serta dapat memberi komitmen terbaik dalam memastikan perkongsian ilmu berkaitan kajian tindakan kepada guru-guru di Labuan dan luar Labuan dapat dilaksanakan .

“Walaupun dunia dilanda pandemik dan kita menggunakan pelbagai aplikasi secara maya, tugas guru masih relevan kerana aplikasi itu hanya alat yang membantu memudahkan tugas seorang guru.” kata beliau.

Kajian Tindakan 12 Langkah yang telah diilhamkan oleh Puan Suriani Alland Rice Oxley telah mengharumkan nama Jabatan Pendidikan WP Labuan pada tahun 2018 apabila memenangi naib johan dalam Konvensyen SISC+ peringkat kebangsaan. Rentetan dari itu, kolokium kajian tindakan mula berkembang mekar pada tahun 2019 dan 2020. Pada tahun 2021, KT12L telah disebar luas dan mula menerima pelibatan dalam kalangan warga pendidik dari seluruh negara.

“Semoga dengan pelantikan ini akan menyemarakkan lagi semangat para jurulatih utama yang dilantik ke arah penyuburan budaya serta amalan inovasi dan kajian tindakan dalam tugas-tugas seharian dalam menggali intervensi bagi memastikan kecemerlangan murid” tegas beliau lagi.

Sesi perkongsian ilmu dikendalikan oleh Cikgu Mohd Asyraf bin Abd Hamid, guru dari Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun, WP Labuan.

Berita Oleh : Sektor Perancangan



- Antara Jurulatih Utama yang membuat perkongsian ilmu



- Urusetia siaran secara maya melalui *youtube*